

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/361613171>

Pengantarabangsaan Agenda Berpelembagaan dan Bahasa Melayu Landasan Integrasi Nasional Berwawasan Tinggi

Article · July 2022

CITATIONS

0

READS

12

1 author:



Wan Ahmad Fauzi Wan Husain
Universiti Malaysia Pahang

139 PUBLICATIONS 30 CITATIONS

[SEE PROFILE](#)

Some of the authors of this publication are also working on these related projects:



Kedaulatan [View project](#)



Peranan Raja-Raja Melayu Dalam Kemerdekaan Malaysia [View project](#)

Pengantarabangsaan

AGENDA BERPERLEMBAGAAN DAN



YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri Malaysia.

Bahasa Melayu bukan sahaja alat komunikasi dan penyatuan jiwa yang digunakan oleh kerajaan yang menguasai alam Melayu selewat-lewatnya pada kurun ketujuh Masihi, malah turut digunakan oleh alam Melayu pada zaman kemuncak kerajaan Melayu Lama merentasi wilayah politik yang kini dikenali sebagai Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura, sebahagian Filipina dan beberapa buah negara di Indo-China.

Bukan sahaja di daratan, kerajaan Melayu Tua juga menguasai lautan yang luas sehingga terbentuknya Laut Melayu kerana penguasaannya dalam bidang maritim, termasuklah ke Teluk Benggala di sebelah Barat dan perairan Timur di Semenanjung Tanah Melayu. Penduduk yang berada di wilayah kekuasaan Raja Melayu dinisbahkan sebagai rakyat Raja Melayu sebelum kelahiran istilah bangsa.

Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu yang berlangsung dengan jayanya dari 21 Mei hingga 23 Mei 2022 lalu menunjukkan siri komitmen YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri (PM) Malaysia selepas pertemuan dengan pejuang bahasa pada 10 Mac 2022. Dalam ucapan perasmian, beliau menegaskan betapa pentingnya bahasa Melayu diperkukuh dalam negara dan dijadikan bahasa rasmi kerajaan dalam urusan antarabangsa. Ketika sidang Dewan Negara pada 23 Mac 2022, Perdana Menteri mengulangi gagasan untuk mengusahakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN, bermula dengan status sebagai bahasa kedua.

Gagasan Bahasa Kedua ASEAN

Gagasan YAB Dato' Sri Ismail Sabri bukanlah semata-mata lintasan di benak fikiran yang dilontarkan begitu sahaja kepada warga Malaysia dan dalam kalangan rakan ASEAN untuk dicernakan. Sebaliknya, usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ASEAN berpijak pada bumi nyata dari aspek sejarah, bahkan potensi sedia ada berlandaskan kewujudan diaspora Melayu di Sri Lanka, Surinam, Afrika Selatan, Madagaskar, Asia Barat, Eropah dan beberapa bahagian lain di dunia. Lantaran itu, bahasa Melayu berpotensi besar untuk diangkat kembali sebagai satu daripada bahasa dunia seperti statusnya sebagai *lingua franca* pada zaman dahulu.

Dalam ucapan perasmian, PM juga menyentuh pemeraksanaan forum kerjasama Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM), Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) serta pengelasan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pemupukan bahasa kebangsaan untuk mendukung dasar luarnya ke arah pengiktirafan sebagai bahasa kedua ASEAN. Gagasan ini bertujuan untuk meluaskan penggunaan bahasa Melayu pada peringkat

Bahasa Melayu

LANDASAN INTEGRASI NASIONAL BERWAWASAN TINGGI

antarabangsa selaras dengan program Diplomasi Kebudayaan, iaitu satu daripada bidang keutamaan kerangka Dasar Luar Negeri Malaysia yang dilancarkan oleh beliau pada 7 Disember 2021 yang turut merangkumi unsur pengantarabangsaan bahasa Melayu.

Simposium bertaraf antarabangsa ini bukan sahaja mengumpulkan para cendekiawan dan tokoh tempatan, malah turut dihadiri tokoh dari negara ASEAN dan seluruh dunia yang mewakili 17 buah negara, iaitu Amerika Syarikat, Rusia, Perancis, Jerman, Belanda, Australia, Republik Rakyat China, Korea Selatan, Uzbekistan, Azerbaijan, Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam, Thailand, Kampuchea dan Filipina. Sebanyak 60 kertas kerja dibentangkan dalam 15 sidang yang menyentuh pemartabatan bahasa Melayu dalam pendidikan, undang-undang, ekonomi, hubungan diplomasi, pengurusan, sains, teknologi, multimedia dan komunikasi. Semuanya bersepakat untuk memartabatkan bahasa Melayu seperti yang diterjemahkan dalam resolusi simposium yang diserahkan kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN), YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali pada acara penutupan.

Satu lonjakan paradigma terserlah apabila PM mengulangi penegasan untuk meminda Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1959 bagi mengupayakan DBP sebagai pihak penguat kuasa terhadap kesalahan penggunaan bahasa kebangsaan. Penegasan itu diperkukuh dengan komitmen KSN ketika menyampaikan ucapan penutupan simposium untuk mengukuhkan amalan bahasa kebangsaan dalam perkhidmatan awam di dalam dan di luar negara. PM dan KSN dilihat sekata dalam polisi pengukuhan amalan bahasa kebangsaan di semua jabatan serta agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta.

Fobia terhadap Unsur Kemelayuan

Dalam keghairahan para pejuang bahasa kebangsaan dan rakyat menyambut pendirian kerajaan, terdapat segelintir pihak yang sering mengkritik dasar kerajaan berhubung dengan pengupayaan elemen watan seperti Islam, bahasa dan kedudukan orang Melayu dengan mengeluarkan kenyataan keras menentang usaha murni

pengantarabangsaan bahasa Melayu. Apa-apa yang mereka sanggah kelihatan mencerminkan rasa fobia mereka terhadap unsur kemelayuan yang bersifat *Malayphobia*, bukanlah lahir daripada penelitian secara adil terhadap matlamat yang ingin dicapai dalam isu pengantarabangsaan bahasa Melayu.

Sikap sedemikian amat dikesali kerana bahasa Melayu pada suatu zaman dahulu merupakan bahasa ilmu bertaraf dunia, Melayu ialah *lingua franca*, Melayu ialah alam ini, malah nama Malaysia masih berpangkal pada Melayu. Para pelayar Barat seawal kurun ke-18 menggunakan nama Malaysia bagi merujuk tanah dan gugusan Kepulauan Melayu. Seorang warganegara yang berintegriti akan melihat sebarang usaha pemartabatan bahasa Melayu sebagai pemupukan integrasi nasional tanpa batasan agama, keturunan dan kumpulan etnik. Pengantarabangsaan bahasa Melayu bagi orang terpelajar pula merupakan usaha berstrategik untuk mengembalikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Serangan terhadap komitmen KSN oleh seorang pesara politik mendapat respons banyak pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat termasuklah Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, YBhg. Profesor Datuk Seri Dr. Awang Sariyan yang menyifatkan pesara politik itu tidak sensitif dengan perkara yang sudah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Intipati ucapan KSN berkaitan dengan pengantarabangsaan bahasa Melayu adalah untuk memastikan bahasa Melayu digunakan secara betul dan berkesan dalam perkhidmatan awam, di samping memperkasakan penggunaan dalam ucapan dan tugasan rasmi



Pelancaran Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob.

pentadbiran di dalam dan di luar negara bukanlah suatu yang bercanggah dengan amalan mana-mana negara berdaulat.

Dalam erti kata lain, hal ini tidak bermaksud untuk melemahkan keupayaan berbahasa Inggeris dalam kalangan anggota perkhidmatan awam, bahkan penggunaannya kekal dalam aktiviti perniagaan dan meningkatkan pelaburan asing pada peringkat antarabangsa. Pada hakikatnya, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020 berkenaan dengan pemerkasaan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam perkhidmatan Awam bertarikh 15 Januari 2020 sudah diedarkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan sebagai garis panduan. Gagasan PM yang disambut baik oleh KSN dan sepatutnya disanjung tinggi khususnya ahli politik yang pernah melafazkan sumpah di bawah Jadual Keenam kerana bahasa kebangsaan termaktub dalam Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan. Jadual Keenam menuntut pengikrarnya untuk taat setia yang sebenar pada Malaysia serta bertanggungjawab untuk memelihara, melindungi dan mempertahankan perlembagaan.

Pihak Berkuasa Bahasa yang Utama

Peranan yang diberikan kepada DBP, pada hakikatnya dapat meluaskan fungsi sedia ada sejajar dengan kedudukan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Kedudukan dan Dasar Bahasa Kebangsaan seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan diperjelaskan lagi dalam akta utama, iaitu Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Kedua-dua sumber kuasa tersebut menetapkan kedudukan dan dasar pemakaian bahasa kebangsaan khususnya dalam acara rasmi. Pindaan Akta DBP sama ada melibatkan sejumlah peruntukannya atau keperluan untuk menggubal sebuah akta baharu yang selaras dengan keperluan kontemporari perlu memposisikan kewibawaan DBP sebagai “pihak berkuasa utama bahasa selepas Yang di-Pertuan Agong” di Malaysia. Frasa “pihak berkuasa utama bahasa selepas Yang di-Pertuan Agong” akan dibicarakan selepas ini.

DBP perlu diupayakan sebagai badan penggerak utama untuk melaksanakan dan menguatkuasakan Dasar Bahasa Kebangsaan yang diaspirasikan oleh negara serta menjadi pemain hadapan untuk

memupuk integrasi nasional berlandaskan satu bahasa, satu bangsa tanpa mengabaikan keperluan untuk menguasai apa-apa jua bahasa yang boleh memajukan negara. Pendekatan sedemikian tidak asing dalam amalan negara kita pada hari ini. Banyak suruhanjaya ditubuhkan sebagai pihak berkuasa untuk mengambil tanggungjawab pengawal selia dan penguatkuasaan, seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Pindaan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 merupakan akta utama yang digubal selaras dengan kedudukan bahasa Melayu di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Dalam Perkara 152 dan Akta Bahasa Kebangsaan tidak diperuntukkan sebagai suatu kesalahan bagi pelanggaran mana-mana peruntukan di bawahnya. Walau bagaimanapun, peruntukan Perkara 152 memberikan punca kuasa yang cukup bagi maksud pemeliharaan kedudukan istimewa bahasa Melayu dan tadbir urus penguatkuasaan melalui penggubalan undang-undang persekutuan.

Perkara 152(1) menyatakan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen dengan syarat:

- (1) Tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan
- (2) Tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.

Maksud rasmi ditakrifkan oleh Perkara 152(6) sebagai apa-apa maksud kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu Pihak Berkuasa Awam. Pada sisi yang sama, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masih diberi kuasa seperti dinyatakan oleh perenggan (2) Perkara 152(1) untuk membuat pengecualian wajar bagi memelihara, meneruskan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di Malaysia.


Akta Bahasa Kebangsaan dan apa-apa jua undang-undang persekutuan yang menyentuh bahasa Melayu adalah tertakluk pada kuasa yang diberikan oleh Perkara 152, termasuklah jaminan yang diperuntukkan kepadanya.

Pindaan utama yang perlu diperuntukkan dalam Akta Bahasa Kebangsaan adalah untuk mewujudkan kewajipan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan bahasa kebangsaan selari dengan jaminan istimewa yang diberikan oleh Perkara 159(5), iaitu tiada pindaan boleh dilakukan pada Perkara 152 tanpa mendapat kebenaran Majlis Raja-Raja. Kewajipan tersebut termasuklah untuk membuat arahan am bagi maksud untuk memelihara amalan bahasa kebangsaan termasuklah mengadakan pengecualian yang perlu. Peruntukan sedemikian dapat mengelakkan percaturan politik kepartian apabila menyentuh kedudukan bahasa kebangsaan dan pemakaiannya di Malaysia juga di luar negara dalam acara rasmi negara.

Peranan Yang di-Pertuan Agong dalam pemeliharaan kedudukan elemen struktur asas Perlembagaan Persekutuan seperti bahasa Melayu juga termaktub dalam Perkara 153. Perkara 153 menyentuh kedudukan istimewa orang Melayu serta anak-anak negeri dan kepentingan sah kaum-kaum lain berwarganegara Malaysia.



Kedudukan bahasa kebangsaan sebagai wadah integrasi nasional perlu diperkasakan di negara ini.



Memandangkan bahasa kebangsaan sebagai alat komunikasi dan penyatuan jiwa bangsa tidak tersyarat di bawah kebebasan asasi yang diperuntukkan oleh Perkara 5 hingga Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan, kedudukannya sebagai wadah integrasi nasional perlu diperkasakan dalam pengukuhan negara bangsa Malaysia.

Pindaan lain termasuklah menjadikan DBP sebagai pihak berkuasa utama bahasa selepas Yang di-Pertuan Agong, peruntukan hukuman bagi kesalahan pelanggaran pemakaian bahasa kebangsaan, juga syarat kelulusan pemaparan iklan, papan tanda dan penamaan yang memerlukan perakuan DBP. Kesemua peruntukan yang dicadangkan berupaya untuk mengangkat peranan DBP sebagai penguat kuasa bahasa yang berwibawa di samping dapat menyerlahkan keutamaannya sebagai bahasa kebangsaan.

Pindaan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959

Perdana Menteri memberikan komitmen kepada kerajaan untuk meminda Akta DBP sebagai langkah untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan memasukkan kuasa penguatkuasaannya. Penguatkuasaan pemakaian bahasa Melayu yang betul tidak mungkin berlaku tanpa terlebih dahulu mewujudkan kesalahan bagi pelanggaran terhadap aspek dan aktiviti tertentu yang berkaitan. DBP perlu dinaik taraf sebagai pihak berkuasa utama bahasa kebangsaan selepas Yang di-Pertuan Agong untuk memberikan kewibawaannya sebagai penguat kuasa bahasa.

Pendekatan tersebut mengambil kira kedudukan yang sama diberikan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan seperti dalam peruntukan Akta Pentadbiran Undang-undang Agama Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993. Seksyen 3 Akta Pentadbiran Undang-

undang Agama Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan:

Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Wilayah-wilayah Persekutuan, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Wilayah-wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini.

Sejajar dengan komitmen PM, pindaan ke atas Akta DBP perlu dilaksanakan untuk meletakkan kedudukannya sebagai pihak berkuasa bahasa utama selepas Yang di-Pertuan Agong agar keseragaman penguatkuasaan dapat dicapai.

Lanjutan itu, peruntukan berkaitan dengan kuasa penguatkuasaan seperti yang diberikan kepada agensi Persekutuan lain perlu dimasukkan dalam pindaan Akta DBP. Untuk membolehkan suatu kesalahan diwujudkan, maka pindaan tersebut perlu menimbangkan penggubalan peruntukan yang memberikan fungsi kuasa kawal selia oleh DBP.

Kuasa kawal selia yang dimaksudkan termasuklah tadbir urus yang selari dengan matlamat DBP seperti pelesenan fungsi dan aktiviti. Hal ini bertujuan untuk menyerlahkan DBP sebagai pihak berkuasa utama bahasa yang berupaya untuk memperkembangkan aktiviti di samping melaksanakan penguatkuasaan bahasa sekali gus tadbir urus fungsi yang terletak padanya. Tadbir urus lain seperti perakuan amalan bahasa yang mematuhi kehendak Akta Bahasa Kebangsaan, pentauliahah bagi munsyi bahasa contohnya, dan pengiktirafan bagi aspek akreditasi dan penarafan boleh diberikan pertimbangan yang sewajarnya untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul. Pindaan yang dicadangkan ini bukan sahaja meluaskan fungsi DBP, menggalakkan penggunaan bahasa yang betul dan mengukuhkan kedudukan bahasa

Melayu itu sendiri, malah melengkapkan lagi prasyarat untuk dinobatkan kembali sebagai *lingua franca* di rantau ASEAN.

DBP sejak sekian lama berhadapan dengan pelbagai karenah birokrasi untuk memperjuangkan bahasa kebangsaan selaras dengan kedudukannya di sisi Perlembagaan Persekutuan dan watan Malaysia. Komitmen yang diberikan perlu segera diterjemahkan dalam bentuk gerak kerja agar pindaan bukan sahaja Akta DBP, malah Akta Bahasa Kebangsaan dapat dilaksanakan pada tahun ini disusuli dengan undang-undang lain.

Polisi bahasa kebangsaan sedia ada perlu dipantau oleh setiap kementerian agar Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020 berkenaan dengan pemerksaan penggunaan bahasa kebangsaan dalam perkhidmatan awam bertarik 15 Januari 2020 diterima pakai sepenuhnya kecuali bagi agensi yang berhubung dengan pihak asing. Kempen kesedaran dalam kalangan rakyat khususnya kumpulan remaja dan belia perlu dipergiatkan agar mereka tidak dipesongkan dengan pandangan negatif. Setiap warganegara yang berjati diri Malaysia wajib menyambut baik polisi baharu kerajaan tentang pengukuhan dan pengantarabangsaan bahasa Melayu. Usaha ini pastinya akan mengembalikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di persada dunia.

Komitmen yang diberikan oleh warga DBP termasuklah kesediaan untuk bertindak sebagai pihak berkuasa bahasa yang utama perlu didukung oleh semua agensi kerajaan, NGO dan swasta. Bahasa ialah cerminan jiwa bangsa yang perlu dihayati oleh warganegara Malaysia agar bersatu hati dalam menghadapi cabaran global tanpa sempadan berteknologi tinggi. Syabas Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia! □

Datuk Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Pengasas Jurisprudens Watan, Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang.